

28 FEB 1996

Langkawi - Jelajah

LE TOUR de LANGKAWI BERMULA ESOK

Oleh: Asan Ahmad

LANGKAWI, 28 Feb (Bernama) -- Selepas persiapan rapi selama berbulan-bulan, Le Tour de Langkawi yang disifatkan sebagai yang terbaik dalam jelajah berbasikal kini menjadi realiti.

Le Tour de Langkawi yang dimodelkan daripada Le Tour de France merupakan perlumbaan berbasikal paling berprestij di dunia dengan menawarkan hadiah RM1 juta.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku penanung acara itu akan melepaskan para peserta perlumbaan sejauh 1,400 kilometer itu esok.

Perlumbaan meliputi sembilan peringkat itu bermula di Langkawi sebelum ke Kangar, Alor Setar, Georgetown, Ipoh, Kuala Lumpur, Melaka, Johor Bharu, Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bharu dan kembali ke Langkawi.

Ia dijangka mengambil masa sepuluh hari untuk menamatkan perlumbaan sembilan peringkat itu yang tujuan utamanya ialah memperkenalkan Langkawi dan Malaysia sebagai destinasi utama pelancongan antarabangsa.

Sebanyak 138 pelumba dari 21 negara yang menyertai perlumbaan akan melalui setiap negeri di Semenanjung Malaysia.

Negara yang menyertai jelajah ialah Australia, Canada, China, Denmark, Belanda, Britain, Indonesia, Ireland, Jepun, New Zealand, Filipina, Jerman, Republik Slovakia, Afrika Selatan, Switzerland, Thailand, Ukraine, Amerika Syarikat dan Perancis.

Malaysia menurunkan tiga pasukan terdiri daripada skuad elit, skuad remaja dan skuad pembangunan.

Switzerland dan perancis yang diketuai oleh pelumba bertaraf dunia ialah antara peserta pilihan untuk memenangi jelajah.

Para peserta telah mula tiba di Langkawi sejak empat hari lepas dan kebanyakan mereka berkata mereka tiba awal untuk menyesuaikan diri dengan cuaca di sini.

Pengurus pasukan Switzerland Wolfram Linder menyifatkan laluan bagi jelajah itu sebagai antara yang terbaik di dunia dan berkata pelumbanya tidak menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan cuaca di sini.

Beliau meramalkan Australia, Canada, Perancis dan New Zealand mempunyai peluang cerah untuk memenangi jelajah kerana kebanyakan pelumba dari efara itu bertaraf dunia.

Malaysia tidak meletakkan harapan yang terlalu tinggi kerana kehilangan khidmat pelumba berbakat, Edwin Ng yang terbabit dalam kemalangan semasa latihan dua minggu lepas.

Ketua jurulatih Ng Joo Ngan berkata acara itu menjadi gelanggang bagi pelumba negara menimba pengalaman.

Pasukan A Malaysia diketuai oleh Tsen Seong Hoong, Nor Effendy Rosli, Suhaimi Keton, Shahrulneza Razali, M. Kumaresan and Azizan Manap sementara Pasukan B terdiri daripada Wong Ah Thiam, Zambri Ayub, Mahazir Hamad, Hassan Jamaluddin, Abd Rahman Faizul dan Mazlen Syed Husaini.

Pasukan C pula ialah Razak Halim, Azman Ramli, Wilson Tan, Hafzan Esa, AHA FAZ